

01 APR 2002

PM RAI PERWAKILAN SESI KHAS ICFM

PUTRAJAYA, 1 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meraikan para perwakilan Sesi Khas Menteri-menteri Luar Pertubuhan Persidangan Islam (ICFM) Mengenai Keganasan pada majlis makan malam di Seri Perdana di sini malam ini.

Turut hadir Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar dan Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak.

Sesi khas tiga hari itu bermula hari ini yang bertujuan membincangkan keganasan dan usaha menakrif keganasan, puncanya dan langkah menangani masalah itu.

Dr Mahathir pagi tadi menyampaikan ucapan dan merasmikan mesyuarat itu yang diadakan di Hotel Palace of the Golden Horses di Seri Kembangan dekat Kuala Lumpur.

Sebanyak 54 daripada 57 buah negara anggota OIC menyertai sesi itu.

-- BERNAMA

HK MAM MOZ